

Dr. Arman bertukar cenderahati bersama Profesor Dr. Karwono.

# UNISSA, UMM meterai MoU

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus mendapat sokongan padu dari institusi pengajian tinggi luar negara setelah termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universitas Muhammadiyah Metro (UMM), Lampung, Republik Indonesia yang diadakan baru-baru ini.

Hadir menandatangani MoU bagi pihak UNISSA ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad, manakala bagi pihak UMM pula ialah rektor universiti berkenaan, Profesor Dr. Karwono, M.Pd.

Turut hadir menyaksikan ialah pegawai-pegawai utama UNISSA terdiri daripada dekan fakulti dan pengarah pusat serta seramai empat delegasi dari UMM.

Dengan termeterainya MoU ini, pelbagai program kerjasama dalam bidang akademik akan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.

Dalam perbincangan antara kedua-dua institusi tersebut, persetujuan telah dibuat untuk mengadakan jalinan kerjasama khususnya penyertaan dalam pembentangan kertas kerja seminar-seminar yang akan dianjurkan.

Begitu juga kolaborasi antara penglibatan ahli akademik kedua-dua institusi dalam penulisan artikel untuk jurnal keluaran masing-masing agar dapat dikongsi sama.

Pada kunjungan itu, pihak delegasi UMM amat mengagumi UNISSA atas komitmen yang telah diusahakan dalam membuat strategik perkembangan pengajian Islam dan amat berharap bahawa UNISSA akan menjadi sebuah universiti Islam yang terunggul di peringkat antarabangsa.

# Sekatan pengimportan makanan dari Jepun ditarik balik

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei - Penggantungan pengimportan makanan dan produk makanan berupa daging, buah-buahan, sayur-sayuran, makanan laut serta susu dan produk tenusu dari Daerah Fukushima, Jepun sejak Februari tahun lalu kini ditarik balik.

Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan dalam kenyataan bersama mereka hari ini berkata, perubahan tersebut adalah berdasarkan pemantauan berterusan, penelitian mengenai situasi terkini dan maklumat yang diterima dari negara-negara serantau dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa oleh kedua-dua kementerian terbabit.

Bagaimanapun, para pengimport yang hendak mengimport produk-produk makanan berkenaan dari Negara Jepun adalah dikehendaki untuk mematuhi beberapa syarat di mana produk-produk makanan dan ramuan yang berasal khusus dari Daerah Fukushima perlu menghadapkan Borang Deklarasi Pengimportan Makanan ke Negara Brunei Darussalam dan Laporan Analisa Bahan Radioaktif.

Manakala bagi produk-produk makanan dan ramuan yang berasal dari daerah selain Daerah Fukushima diperlukan untuk menghadapkan Borang Deklarasi Pengimportan Makanan Ke Negara Brunei Darussalam.

Menurut kenyataan itu lagi, syarat-syarat pengimportan tersebut adalah syarat-syarat tambahan bagi produk-produk yang berasal dari Jepun dan syarat-syarat pengimportan yang sedia ada di bawah kawalan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan hendaklah dipatuhi.

Syarat-syarat yang ditetapkan ini juga akan diteliti dari semasa ke semasa. Langkah-langkah tersebut diambil adalah untuk memastikan bahawa makanan yang diimport ke negara ini adalah selamat untuk dimakan dan bebas daripada bahan radioaktif.

Orang ramai yang ingin mendapat keterangan lanjut boleh menghubungi Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Pusat Pemeriksaan Kesihatan, Perkhidmatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan, Jalan Delima Dua, Berakas atau menelefon 2331100-5/06/08/09/10.


TimesCineplex

LIKE US ON facebook | Visit our website: timescineplex.com

**TimesSquare 234-1122**

X-MEN APOCALYPSE
(X) w MS / CS (2:25HRS)
10:40AM, 12:00PM, 1:00PM, 1:30PM
3:50PM, 4:20PM, 5:10PM, 6:40PM
7:10PM, 8:10PM, 9:00PM
9:30PM, 10:00PM

THE ANGRY BIRDS MOVIE
(U) w MS / CS (1:37HRS)
11:00AM, 1:10PM, 3:10PM
5:00PM, 7:00PM

BANGKOK 13
(THAI) (PG) w ES (1:37HRS)
11:10AM, 3:00PM

CAPTAIN AMERICA: CIVIL WAR
(U) w MS / CS (2:25HRS)
11:10AM, 2:10PM, 5:10PM, 8:10PM

**KB Sentral 334-0804**

X-MEN APOCALYPSE
(X) w MS / CS (2:25HRS)
11:20AM, 12:30PM, 2:20PM, 3:20PM
5:20PM, 6:30PM, 7:20PM, 8:10PM
9:20PM, 10:10PM

THE ANGRY BIRDS MOVIE
(U) w MS / CS (1:37HRS)
1:00PM, 3:00PM, 5:00PM, 7:00PM

BANGKOK 13
(THAI) (PG) w ES (1:37HRS)
11:00AM, 5:20PM

CAPTAIN AMERICA: CIVIL WAR
(U) w MS / CS (2:25HRS)
11:45AM, 2:30PM, 9:00PM

**Empire 261-0001**

X-MEN APOCALYPSE
(X) w MS / CS (2:25HRS)
11:00AM, 11:40AM, 1:50PM, 2:30PM
4:40PM, 5:20PM, 7:30PM
8:10PM, 9:00PM

THE ANGRY BIRDS MOVIE
(U) w MS / CS (1:36HRS)
11:00AM, 4:00PM

CAPTAIN AMERICA: CIVIL WAR
(U) w MS / CS (2:25HRS)
1:00PM, 6:00PM

**Tutong 422-0422**

X-MEN APOCALYPSE
(X) w MS / CS (2:25HRS)
11:15AM, 12:30PM, 2:15PM, 3:30PM
5:15PM, 6:30PM, 7:10PM, 8:15PM
9:30PM, 10:00PM

THE ANGRY BIRDS MOVIE
(U) w MS / CS (1:36HRS)
2:00PM, 4:00PM, 8:45PM

CAPTAIN AMERICA: CIVIL WAR
(U) w MS / CS (2:25HRS)
11:10AM, 6:00PM

THE MALL CINEPLEX

www.themallcineplex.com 2 422 455
Online Booking: www.mall-ticket.com
facebook.com/themallcineplex

X-MEN: APOCALYPSE
10:50am, 11:35am, 12:20nn
1:35nn, 2:30pm, 3:10pm, 4:20pm
5:25pm, 6:00pm, 6:40pm, 7:10pm
8:20pm, 8:50pm, 9:30pm, 10:00pm
[Eng-X16-MsCs]

ANGRY BIRDS
11:05am, 12:15nn, 2:10pm
4:05pm, 5:40pm, 7:35pm
[Eng-U-MsCs][Child's Ticket Available All Day]

MY STUPID BOSS
12:40nn, 2:50pm, 5:00pm
7:10pm, 9:20pm
[Malay/Indonesian-U-Es]

CAPTAIN AMERICA: CIVIL WAR
1:00nn, 3:50pm, 6:00pm, 8:50pm
[Eng-U-MsCs]

BANGKOK 13
2:00pm, 4:10pm, 7:50pm, 9:30pm
[Thai-PG-Es]

SUMMER CAMP
Last 4:00pm, 6:10pm, 9:50pm
[Eng-PG-NoSubt]

ALADDIN
Last 12:00nn - [Eng-U-NoSubt]

HUNTSMAN
Last 2:05pm - [Eng-PG-MsCs]

THE JUNGLE BOOK
Last 12:00nn



















*** Ratings: U - Suitable for all ages / PG - Parents Guidance needed for audience under the age of 16 ***


## RAMALAN 3 HARI

Bagi Negara Brunei Darussalam

| | SIANG | MALAM |
|---|---|---|
| RABU 25/05/2016 | 33°C | 26°C |
| KHAMIS 26/05/2016 | 33°C | 26°C |
| JUMAAT 27/05/2016 | 33°C | 25°C |

TALIAN CUACA: 114

Wassalamu Bissawab

**Sumber:** Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan

| | |
|---|---|
| **Ramalan Cuaca Hari Ini** | Sebahagian berawan dengan hujan berkemungkinan berlaku di kawasan pesisiran pantai pada awal pagi. Manakala, hujan berasingan dijangka berlaku pada waktu malam. |
| **Angin** | Bertiup dari arah Barat Daya 05-15 kmsj pada waktu pagi dan malam; dan dari arah Barat Laut selaju 10-25 kmsj pada waktu petang. |
| **Laut** | Berombak Sedikit ke sederhana, di paras 0.7-1.5 m. |
| **Perhatian/ Amaran** | Keadaan laut adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil. |

www.met.gov.bn


**HUBUNGI KAMI UNTUK KONGSI PANDANGAN ATAU JIKA ADA BERITA GEMPAR**

Imbas kod QR ini untuk layari e-Media Permata

**HOTLINE EDITORIAL**

Borneo Bulletin (BB): (673) 873 4999 / 817 0345
Media Permata (MP): (673) 873 5902 / 815 5902

**E-MEL**

BB: editor@borneobulletin.com.bn
borneobulletin2@yahoo.com
MP: mediapermata@bruneipress.com.bn
editor@mediapermata.com.bn
mediapermata1@yahoo.com

**UNTUK PERTANYAAN PERIKLANAN, LANGGANAN SURAT KHABAR & PERKHIDMATAN PERCETAKAN KOMERSIL (CPS)**

**HOTLINE JUALAN**

Periklanan: (673) 822 3668 / 718 2663 (BSB)
(673) 333 4344 (KB)
(65) 6297 9622 (SINGAPORE)
(603) 2287 6623 (MALAYSIA)
Pengedaran: (673) 877 7656 / 816 0055 (BSB)
(673) 872 6233 / 884 6875 (KB)
CPS: (673) 813 6526 / 245 5242

**E-MEL**

Pengedaran: circulation@bruneipress.com.bn
Periklanan: advertisement@bruneipress.com.bn
CPS: info.commercial@bruneipress.com.bn